

**Kadar Pendapatan Garis Kemiskinan disemak, jangka dipinda suku pertama tahun depan-Mustapa**

## **Kadar Pendapatan Garis Kemiskinan disemak, jangka dipinda suku pertama tahun depan - Mustapa**

**KUALA LUMPUR 7 Mac** - Kadar had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) akan disemak semula dan dijangka dipinda pada suku pertama tahun depan, persidangan Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata Jabatan Perangkaan akan menyemak semula kadar kemiskinan dalam PGK yang diguna pakai ketika ini iaitu RM2,208 bagi isi rumah dan bagi miskin tegar RM1,169 setiap isi rumah.

“Angka ini akan disemak dan dijangka pada suku pertama tahun depan akan dipinda sewajarnya,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata kerajaan dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) mempunyai komitmen tinggi untuk menghapuskan isu miskin tegar dengan pendapatan purata RM1,169 setiap isi rumah menerusi pendekatan holistik dan komprehensif.

Jelasnya, kadar kemiskinan negara juga berubah dengan ketara sejak lima dekad lepas dipengaruhi faktor kadar pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan yang memberangsangkan sepanjang tempoh itu serta kewujudan Dasar Ekonomi Baru.

“Bagaimanapun negara masih berdepan beberapa isu dan cabaran seperti kelompok miskin masih wujud melibatkan golongan masyarakat dan kawasan tertentu seperti bandar dan luar bandar serta kawasan Orang Asli.

“Selain itu, isu gaji serta upah yang rendah serta ketidaksamaan pembangunan antara wilayah dan negeri, bandar dengan luar bandar masih wujud, selain penularan pandemik COVID-19 yang turut memberi impak besar kepada pendapatan isi rumah,” katanya, *menurut Bernama*.

Beliau menjawab soalan Tan Kok Wai (PH-Cheras) mengenai keadaan kemiskinan dalam bandar dan luar bandar, jurang pendapatan dalam negara serta pencapaian dan kegagalan program yang dirangka dan dilaksana kerajaan untuk mewujudkan masyarakat lebih saksama. - [DagangNews.com](http://DagangNews.com)

<https://dagangnews.com/kadar-pendapatan-garis-kemiskinan-disemak-jangka-dipinda-suku-pertama-tahun-depan-mustapa-13575>